



Kecemerlangan AIM bukan sahaja dapat dilihat melalui impak positif yang ditunjukkan sahabat-sahabat atau peminjam namun diiktiraf di peringkat antarabangsa.”

ROHANI ABDUL KARIM
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



RM18.54b bantu rakyat melalui AIM

Oleh **MD. AZRIN ROSLY**
pengarang@utusan.com.my

■ SANTUBONG 17 DIS.

AMANAH Ikhtiar Malaysia (AIM) telah membantu meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya golongan miskin dan berpendapatan rendah dengan pembiayaan terkumpul berjumlah RM18.54 bilion sejak 30 tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, jumlah tersebut diperoleh setelah lebih 14 kali inisiatif memusing semula modal yang diterima iaitu sebanyak RM1.194 bilion dalam bentuk pinjaman dan geran dilakukan.

“Sejak penubuhannya pada 1987, peranan dimainkan AIM terbukti keberkesannya melalui impak peningkatan pendapatan kepada isi rumah dan jumlah usahawan berskala mikro dan kecil.

“Hasilnya sudah tentu memberi kesan ke arah mengurangkan paras peratusan kemiskinan nasional,” katanya ketika berucap dalam Himpunan Usahawan Ikh-

tiar AIM Cawangan Kuching di Damai Central di sini hari ini.

Tambah Rohani, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak juga tidak pernah lupa memperuntukkan dalam bajet tahunan negara untuk dimanfaatkan AIM kepada rakyat.

“Kecemerlangan AIM bukan sahaja dapat dilihat melalui impak positif oleh sahabat-sahabat atau peminjam namun diiktiraf di peringkat antarabangsa.

“Saya difahamkan AIM telah memperoleh pengiktirafan ‘Best Islamic Microfinance Institution’ selama lima tahun berturut-turut sejak 2013 iaitu salah satu pengiktirafan di bawah *Global Islamic Finance Awards* (GIFA),” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, pencapaian sama ada individu, keluarga mahupun organisasi AIM harus dibangga kerana kecemerlangan tidak akan dapat diperoleh tanpa titik peluh warga kerja dan usaha gigih memajukan diri sahabat serta keluarga.

Dalam pada itu, Rohani berkata, pembayaran balik pinjaman AIM juga baik dengan kadar 98.08 peratus.